

Makanan ringan banyak pengawet

B.H. 4/7/07 M/S 18

Separuh sampel di China gagal tepati peraturan

BEIJING: Pihak berkuasa China mendapati berpuluh-puluh makanan ringan kanak-kanak tidak mematuhi standard makanan dan merampas puluhan botol mengandung protein darah manusia palsu dari hospital, kata pihak berkuasa semalam.

China yang mempunyai rekod keselamatan dan kesihatan yang lemah di dalam dan luar negara, mula diberi perhatian apabila barangan keluarannya mula dijual di pasaran global.

Pembeli utama seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah mendesak China meningkatkan pemeriksaannya.

Pegawai pemeriksa di wilayah tenggara China, Guangxi mendapati bahan pengawet dan penambah perasa berlebihan dalam hampir 40 peratus daripada 100 sampel makanan ringan kanak-kanak bagi suku kedua 2007, kata satu laporan di laman web kerajaan pusat China.

Makanan ringan yang tidak mematuhi standard makanan itu termasuk minuman ringan, gula-gula buah, puding gelatin dan beberapa jenis keropok diambil daripada 70 pasaraya dan gudang di tujuh bandar di wilayah berkenaan, katanya.

Hanya 35 peratus sampel puding gelatin didapati memenuhi standard makanan, kata laporan itu, semen-

tara dua jenis gula-gula buah mengandungi 63 kali pemanis tiruan yang dibenarkan.

Laporan itu tidak menyebut sama ada sebarang makanan ringan ditarik balik atau mana-mana pengeluar dikenakan tindakan disiplin.

420 botol protein darah tiruan, albumin ditemui di hospital di wilayah Hubei tetapi ia tidak digunakan untuk merawat pesakit, kata Liu Jinai, pegawai bahagian pemeriksaan pentadbiran makanan dan perubatan, dalam satu temubual telefon.

Tiada laporan kematian atau penyakit dicatatkan. Kekurangan albumin mencetuskan siasatan di selu-

ruh negara Mac lalu mengenai kemungkinan barang tiruan dijual.

Satu laporan media bulan lalu berhubung siasatan di wilayah Jilin apabila 59 hospital dan farmasi pula didapati menjual lebih 2,000 botol protein darah palsu.

Ia dianggap punca kematian seorang pesakit kerana menggunakan produk palsu berkenaan, lapor media.

Albumin adalah protein utama dalam plasma darah manusia yang penting untuk mengekalkan kandungan darah. Ia digunakan untuk merawat keadaan termasuk terkejut, kebakaran, kegagalan hati dan pankreas dan diperlukan bagi pesakit menjalani rawatan pembedahan jantung.

Pihak berkuasa China dilanda penjualan berleluasa vaksin polio palsu, vitamin dan formula bayi tiruan.

Kejadian itu mengancam kesihatan awam dan menunjukkan kegagalan kerajaan dalam mengawal jenayah dan rasuah serta memastikan keselamatan bekalan makanan dan perubatan.

Pada Mei lalu, seorang pegawai kanan yang menyelia industri ubat-ubatan China, dihukum mati selepas didapati bersalah menerima rasuah dengan meluluskan sejenis antibiotik berkualiti rendah yang meragut sekurang-kurangnya 10 nyawa setakat ini. - AP

FAKTA NOMBOR

Masalah makanan tidak ikut standard

40

Jenama ada bahan pengawet, penambah perasa berlebihan

180

Kilang pengeluar makanan diarah tutup